


Pemikiran Semula Pengurusan Pendidikan: Isu-isu Inovasi dan Futuristik



MINDA PENDIDIK

MUHAMAD SUHAIMI TAAAT

Bersama,
Mohd Yusof Abdullah, Baharom
Mohamad, Roslee Talip, Abdul Said
Ambotang dan Shukri Zain

UB 30.05.2012 B4

DI ruangan kali ini, penulis ingin menyambung perbincangan berkaitan artikel yang telah dipaparkan pada

minggu lalu. Antara yang diperjelaskan adalah berkaitan dengan fungsi sekolah khususnya peranan yang perlu dilaksanakan oleh para pendidik terutamanya mereka yang terlibat dalam hal pentadbiran atau pengurusan bagi memastikan kewujudan dan amalan inovasi dan futuristik di sekolah masing-masing. Selain itu turut juga dibahaskan berkaitan aspek-aspek yang perlu diberikan perhatian seperti berfikir secara proaktif, memberikan penekanan kepada elemen ‘clinical supervision’ dan pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan. Di ruangan kali ini, penulis ingin membincangkan isu mengapa pihak pentadbiran atau pengurusan sekolah dituntut untuk menjadi inovatif dan futuristik. Seterusnya akan turut dibincangkan berkaitan bagaimana individu-individu yang terlibat boleh menjadi inovatif dan futuristik.

Bagi menjawab persoalan mengapa pihak yang terlibat dalam aspek pentadbiran atau pengurusan di sekolah dituntut agar menjadi inovatif dan futuristik, maka jawapan yang paling mudah yang boleh diberikan secara rasional adalah kerana semua benda khususnya yang hidup di atas muka bumi ini akan berubah setiap hari. Tambahan pula, sama ada suka atau tidak, hari esok tetap kita perlu dan mesti hadapi. Walau bagaimanapun, bukanlah apa yang dimaksudkan dengan inovasi itu adalah mereka cipta sesuatu yang baharu, namun apa yang lebih ditekankan adalah membawa pembaharuan dalam aspek pengurusan di sekolah mengikut bidang kuasa dan tugas masing-masing. Futuristik pula bermaksud apa yang kelihatan atau nampak sesuai bagi masa hadapan. Maka dengan sebab itu seseorang pentadbir/pengurus hendaklah mampu untuk melihat jauh ke hadapan (foresee the future). Kemampuan tersebut akan memudahkan pentadbir/pengurus dalam aspek pengurusannya dengan dapat mengenal pasti sebarang masalah atau kesulitan yang bakal dihadapi dan telah merancang awal bagaimana untuk mengatasi dan menanganinya. Sehubungan dengan itu, sedar atau tidak, kebiasaan elemen inovatif dan futuristik telah wujud pada pernyataan visi dan misi sekolah masing-masing.

Mungkin timbul pula persoalan, bagaimana hendak menjadi seorang yang inovatif dan futuristik? Antara langkah yang boleh diambil adalah sebagai pendidik sejati, kita hendaklah keluar daripada zon selesa yang sebenarnya menjadikan kita guru “cukuplah...”, “biasalah....”, “ok lah....” atau kata-kata lain yang tidak menggambarkan sikap seorang guru sejati yang sepatutnya bersifat dinamik, dahagakan ilmu pengetahuan dan sentiasa mahu bergerak maju ke hadapan. Seterusnya guru hendaklah menganggap segala bentuk kerja atau tugasan adalah merupakan satu ibadah dan bukan semata-mata rutin seharian. Apabila kita menganggapnya sebagai satu ibadah, sudah tentulah ibadah yang kita laksanakan sebagai yang terbaik kerana hari esok belum lagi pasti akan kita kecapi. Guru juga dituntut untuk terus menambah koleksi ilmu pengetahuan sama ada secara formal atau non formal. Ramai guru pada masa sekarang yang menyambung pelajaran di peringkat sarjana muda, sarjana, dan doktor falsafah. Namun niat utama sepatutnya adalah untuk menambah ilmu di dada dan memantapkan lagi kemahiran yang berkaitan dengan bidang tugas di sekolah dan bukan semata-mata untuk mendapatkan segulung ijazah atau mengharapkan balasan material seperti kenaikan gaji dan gred/skim perkhidmatan. Percayalah bahawa, sekiranya kita belajar untuk ilmu, maka kita akan mendapat ilmu dan ijazah, tetapi jika kita belajar hanya untuk ijazah, ilmu akan pergi meninggalkan kita. Justeru seharusnya segala ilmu dan kemahiran yang telah diperoleh hendaklah diaplakasikan atau diguna pakai di tempat kerja masing-masing setelah tamat pengajian agar dapat memberi manfaat kepada orang lain khususnya kepada anak didik.

Kesimpulannya, banyak lagi pendekatan atau kaedah yang boleh diambil untuk menjadi insan inovasi dan futuristik seperti gemar membuat rujukan, bacaan, mengikuti seminar dan dialog, serta tidak keberatan mendapatkan maklum balas atau input walaupun daripada orang bawahan seperti tukang kebun sekalipun. Namun apa yang pasti, sebagai insan guru yang terlibat dalam bidang pengurusan, haruslah bersedia untuk membuka telinga bagi mendengar dan membuka mata untuk memerhati dan mengamati, yang akhirnya akan membuka kotak minda dan pintu hati untuk melihat sesuatu itu di luar jangkauan guru biasa. Di ketika itu, baharulah para pengurus/pentadbir berupaya menjadi insan hebat, disegani dan disanjung bukan sahaja oleh warga sekolah malah oleh masyarakat luar.

* Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, UMS